

# TAK SANGGUP BERTUGAS DI DESA DIKESALI

**KUALA LUMPUR.**  
Ahad — Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Ali kesal kerana terdapat setengah anak watan tidak sanggup bertugas di desa-desa sedangkan keadaan di situ jauh lebih baik dari zaman penjajah.

Di zaman penjajah terdapat pegawai-pegawai asing bertugas jauh di pedalaman walaupun segala kemudahan tidak ada atau sukar diapati, katanya ketika merasmikan Pesta Hari Terbuka Kolej Pertama

Universiti Malaya, di sini semalam.

Anak-anak watan katanya, boleh mendapat pengajaran dari pegawai-pegawai penjajah itu dengan sikap gemar mengembara.

Mereka bukan sahaja dapat menjalankan tugas dengan baik malah dapat membuat berbagai sumbangan dalam bidang penulisan, per-sejarahan dan kebudayaan.

Sikap hendak apa yang senang sahaja adalah tidak selari dengan semangat mempertahankan maruah negara dan boleh menjejaskan usaha un-

tuk membawa kebahagiaan kepada masyarakat, khususnya masyarakat desa.

Belliau menyentuh perkara itu bukan kerana ingin menyingkap kelemahan-kelemahan mana-mana pihak tetapi merasakan bahawa masa depan masyarakat dan negara banyak bergantung kepada mutu lepasan universiti.

Lepasan-lepasan universitilah akhirnya menjadi acuan membentuk masyarakat akan datang dan dalam menjamin matlamat negara tercapai, katanya.

Tenaga pengajar dan mahasiswa-mahasiswi tidak harus mengangrap

universiti sebagai tangga untuk mendapat pekerjaan semata-mata.

Pelajaran di universiti adalah permulaan dalam usaha menimba ilmu pengetahuan hakiki yang dapat menjadikan seseorang individu bertanggungjawab dan berjaya, bukan sahaja dari segi diri dan keluarganya, malah terhadap masyarakat dan bangsanya.

Pesta hari terbuka itu dipenuhi dengan persembahan kebudayaan, pertandingan melukis, pertandingan bahas, malam seni pentas, telematch, konsert terbuka dan sebagainya. — Bernama.